

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini mengandungi maklumat penting mengenai insurans hayat anda. Pelanggan lain turut membaca LPP ini dan mendapati ia berguna; **anda juga patut membacanya.** LLP ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan berdasarkan lelaki sihat berumur 0 tahun.



Tarikh: 1 Januari 2026

1

Apakah Zurich EduMax?

Zurich EduMax menyediakan perlindungan terhadap Kematian sehingga umur 21 anak anda. Selain itu, produk ini juga menawarkan Pembayaran Tunai Terjamin ("PTT") yang berkala. Akaun Pelaburan EduSaver ialah akaun berkaitan pelaburan pilihan yang boleh dilampirkan dengan pelan Zurich EduMax. Anda boleh memperuntukkan tambah nilai biasa tambahan ("premium EduSaver") atau melabur semula PTT anda ke dalam akaun ini untuk membantu meningkatkan simpanan anda untuk pendidikan anak anda.

2

Kenali Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM111,975 tahunan**, anda akan menerima **perlindungan** insurans berikut untuk:

Manfaat Kematian (kematian bukan akibat kemalangan)	Tahun Polisi	Jumlah Dibayar (RM)	
	1 hingga 2	Jumlah premium asas yang telah dibayar (tidak termasuk premium EduSaver, jika ada), tolak jumlah PTT yang telah diterima.	
	3 hingga 21	Yang mana lebih tinggi: (a) RM500,000 ; atau (b) Jumlah premium tahunan asas yang telah dibayar (tidak termasuk premium EduSaver, jika ada), tolak jumlah PTT yang telah diterima; atau (c) Nilai tunai terjamin.	
Manfaat Kematian (kematian akibat kemalangan)	Yang mana lebih tinggi: (a) RM500,000 ; atau (b) Jumlah premium tahunan asas yang telah dibayar (tidak termasuk premium EduSaver, jika ada), tolak jumlah PTT yang telah diterima; atau (c) Nilai tunai terjamin.		
Pembayaran Tunai Terjamin. (PTT)	Umur pada akhir Tahun Polisi		Jumlah yang akan diterima
	Umur 18 dan ke bawah		RM20,000
	Umur 19		RM170,000
	Umur 20		RM320,000
	Umur 21		RM470,000
	Anda boleh memilih sama ada mengkreditkan PTT ke dalam akaun bank anda, membenarkan PTT dikumpulkan dengan kadar faedah yang tertakluk pada semakan berdasarkan keadaan pasaran, atau melaburkan semula PTT ke dalam Akaun Pelaburan EduSaver (jika ada).		
Ganjaran Pendidikan	Manfaat pencapaian akademik sekali seumur hidup seperti berikut:		
	Peperiksaan	Syarat-Syarat	
		Kategori 1: RM1,000	Kategori 2: RM5,000
	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	Sekurang-kurangnya 5A	Sekurang-kurangnya 9A
	International General Certificate of Secondary Education (IGCSE)		
	Unified Certified Exam – Senior Middle Level (UEC-SML)		
Sijil Vokasional Malaysia (SVM)	CGPA keseluruhan 3.50 atau lebih tinggi	CGPA keseluruhan 3.80 atau lebih tinggi	
Ganjaran Sukan	Manfaat pencapaian sukan sekali seumur hidup bagi setiap tahap adalah seperti berikut: a. RM1,000 untuk pemain negeri yang mewakili negeri masing-masing dalam pertandingan peringkat kebangsaan di Malaysia. b. RM4,000 untuk pemain kebangsaan yang mewakili Malaysia dalam pertandingan peringkat antarabangsa.		

Nota:

- Produk ini menyediakan pulangan tahunan terjamin sebanyak 1.30%, jika dipegang sehingga tempoh matang.
- Sila minta daripada pengantara anda untuk mendapatkan contoh kontrak untuk senarai penuh terma dan syarat.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk brosur PIDM TIPS atau hubungi Zurich Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Hayat insurans anda **mengecualikan**:

- Kematian – Jika disebabkan bunuh diri dalam tempoh 1 tahun daripada tarikh pengeluaran polisi, hanya jumlah premium asas dibayar (tidak termasuk premium EduSaver), tanpa faedah dan tolak sebarang kehutangan, akan dibayar.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk polisi insurans bagi senarai penuh pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1-300-888-622



Layari kami di
<https://zurich.com.my/edumax>



E-mel kami di
callcentre@zurich.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:

Premium Asas	RM111,975.00 (tahunan)
--------------	------------------------

Tempoh: 10 tahun

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Komisen	14.25% daripada jumlah premium atau RM95,738.63 selama 6 tahun Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut.
---------	--

Caj lain yang berkenaan	Cukai – premium dan yuran tertakluk pada cukai atau levi kerajaan lain, jika berkenaan.
-------------------------	---

4 Syarat-syarat Utama Lain

- Anda hendaklah mendedahkan semua fakta material seperti menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan.
- Lien Juvana akan diguna pakai untuk Manfaat Kematian sebelum mencapai umur 4 tahun.
- Tempoh Ihsan premium selama 31 hari dari tarikh tamat tempoh premium akan dibenarkan untuk pembayaran.
- Pembayaran premium selepas tempoh ihsan premium mungkin menyebabkan polisi luput dan boleh menjejaskan pembayaran manfaat masa depan.
- Premium asas adalah terjamin untuk pelan ini.
- Nilai tunai Akaun Pelaburan EduSaver anda bagi produk ini bergantung pada prestasi dana pilihan anda dan perlu dibayar dalam peristiwa berikut: (a) hayat yang diinsuranskan meninggal dunia; (b) Akaun Pelaburan EduSaver dialih keluar; (c) polisi matang; atau (d) polisi luput.

Note: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk polisi insurans bagi senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan polisi dalam tempoh 15 hari selepas polisi dihantar kepada anda. Premium asas, premium EduSaver yang belum diperuntukkan dan nilai tunai Akaun Pelaburan EduSaver akan dikembalikan kepada anda.
- **Notis Bertulis:** Selepas tempoh bertenang, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Kami akan bayar anda nilai tunai.

Zurich Life Insurance Malaysia Berhad (Registration No. 196801000442 (8029-A)) didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.